

Ruj. Kami : ANM.PK.A 600-1/8 (17)
Tarikh : 09 Julai 2019

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

Y. Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

SIJIL PENGESAHAN BAKI AKAUN DEPOSIT

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 4 Tahun 2019, Tatacara Pengurusan Akaun Deposit, Rujukan: JANM.BKP.600-14/1/11 (04) bertarikh 25 Jun 2019 adalah berkaitan.

2. Sebagaimana pihak Y.Bhg.Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, Sijil Pengesahan Baki Akaun Deposit perlu dikemukakan ke Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Perak dan disalinkan kepada Bahagian Akaun Kementerian selewat-lewatnya pada 14 haribulan setiap bulan berikutnya.

3. SPANM Bilangan 4 Tahun 2019 adalah berkuat kuasa serta merta dan sila pastikan pihak Y.Bhg.Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan menggunakan format Sijil Pengesahan Baki Akaun Deposit yang terkini seperti di Lampiran A : Garis Panduan Pengurusan Akaun Deposit Terimaan, SPANM Bilangan 4 Tahun 2019.

4. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai-pegawai di Unit Akaun seperti berikut :

- | | |
|---|-------------|
| i. Puan Khairiah Binti Ramli | 05-2462 123 |
| ii. Puan Salwana Binti Sulaiman | 05-2462 124 |
| iii. Cik Madonna Mani Megalai a/p Santhanam | 05-2462 123 |

5. Kerjasama dan perhatian pihak Y.Bhg.Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan berkenaan perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**PENGARAH
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK**